

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ER TECK HWA [ BAKRI ]**

**SOALAN:**

Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ] meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah orang bukan Islam yang telah memeluk agama Islam dari tahun 2009 hingga 2014 mengikut pecahan kawasan Parlimen.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN  
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendaftaran masuk Islam adalah di bawah bidang kuasa Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri (JAIN/MAIN) masing-masing sebagaimana bidang kuasa yang termaktub dalam Senarai 2, Jadual Kesembilan Perlembagan Persekutuan. Maklumat yang tepat bagi bilangan orang yang memeluk Islam hendaklah dirujuk kepada JAIN/MAIN masing-masing.

Sekian, terima kasih.